



Health talks for students

... service initiative aimed at helping to curb the A(H1N1) pandemic



... the schools were presented with posters showing washing technique recommended by the Health o contain the influenza A (H1N1) pandemic.



... to schools in pupils was conducted by Lifebuoy

Ceramah kebersihan di Cyber

MENYEDARI kepentir Bhd. dengan kerjasama kebersihan di Sekolah Menengah Kebangsaan

Ceramah tersebut ceramah untuk pelajar dari Lifebuoy manak oleh wakil dari Kemer "Program ini meru sosial Cyberview kep, sewaktu negara dilan semakin membimbar Cyberview Sdn. Bhd.

Sementara itu, Per Chuah pula berkata, i merupakan sebahagi Unilever (M) Holdings Kesihatan.

Cyberview prihatin Influenza A

CYBERJAYA: Cyberview Sdn Bhd, terus komited dalam usaha menjaga keselamatan warga Cyberjaya dengan menganjurkan sesi ceramah khas bagi memberi kesedaran kepada komuniti di bandar pintar itu terutama pekerja dan pelajar mengenai bahaya wabak Influenza A (H1N1).

ia diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Cyberjaya dan Sekolah Rendah Cyberjaya yang dihadiri lebih 1,500 warga kedua-dua sekolah berkenaan.

Pengarah Urusannya, Datuk Redza Rafiq, berkata langkah itu perlu berikutan jumlah

mereka dijangkiti dan maut akibat wabak H1N1 kini semakin meningkat.

"Langkah ini perlu kerana kita bukan saja bertanggungjawab membangunkan Cyberjaya dari segi kemudahan dan sistem sokongan, tetapi turut perlu memastikan tahap keselamatan komuniti di sini sentiasa berada dalam keadaan baik.

"Justeru, kitaperlumengambil langkah awal dengan menganjurkan sesi penerangan khas bagi memastikan semua warga Cyberjaya terutama pelajar supaya lebih berwaspada dan mengelak daripada jangkitan wabak H1N1," katanya.

Mengulas lanjut, Redza berkata program berkenaan adalah inisiatif berterusan Cyberview sebagai pemilik tanah atau peneraju utama pembangunan di Cyberjaya.

"Sebelum ini, kita sudah bekerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) untuk memberi penerangan kepada semua wakil yang beroperasi di Cyberjaya mengenai bahaya wabak berkenaan," katanya.

Redza berkata, pihaknya amat mementingkan aspek sosial dan penjagaan keselamatan komuniti di Cyberjaya bagi memastikan masyarakat sentiasa berada

dalam keadaan selesa.

"Malah, kita mempunyai pelan khas bagi menghadapi sebarang kemungkinan ancaman dan kecemasan di Cyberjaya termasuk aspek serangan senjata kimia, kebakaran bangunan dan bencana alam.

"Kita juga sentiasa membuat penambah baikan bagi meningkatkan aspek keselamatan dan kesejahteraan komuniti di Cyberjaya termasuk memasang kamera litar tertutup yang dihubungkan terus kepada sistem Perkhidmatan Panggilan Kecemasan 999 (MERS 999)," katanya.



REDZA (kiri) menunjukkan kaedah mencuci tangan yang betul pada sesi ceramah kesihatan di Cyberjaya